

Wusyu sumbang tiga emas

VIENTIANE - Malaysia tidak dicabar ketika mengaut tiga pingat emas acara wusyu pada Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2012 di Phonsawan School, Universiti Nasional Laos di sini, semalam.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berstatus atlet kebangsaan, Loh Jack Chang cemerlang setelah mengumpul 9.56 mata dalam acara Taijiquan untuk merangkul emas pertama negara di gelanggang wusyu mengetepikan pesaing dari Indonesia dan Singapura.

Mengikuti jejak Jack Chang iaitu pemenang pingat perak Kejohanan Dunia, Diana Bong yang membuktikan dia tiada tandingan apabila memenangi emas dalam acara Nanquan dengan pungutan tertinggi 9.55 mata.

Diana meninggalkan peserta Indonesia, Felicia Alveina Monindra pada tempat kedua dan atlet Singapura, Ashley Tan Li Wen tangga ketiga.

Diana berkata, penyertaan pertamanya pada AUG tidak diganggu de-

ngan sebarang tekanan apabila dia hanya berdepan atlet bukan pilihan.

“Saya lebih tenang pada pertandingan kali ini kerana lawan saya bukan terdiri dari kalangan atlet elit. Bagi saya ini satu kemenangan mudah,” katanya.

Pingat emas ketiga Malaysia diraih menerusi Chai Fong Wei menerusi acara Chanquan setelah mencatat 9.53 mata mengetepikan cabaran atlet Vietnam, Hong Thiphuong Giang dan Natalie Chriselda Tanasa dari Indonesia.

Pasukan wusyu turut meraih tiga pingat perak menerusi Wong Weng Son (Chanquan), Ng Shin Yii (Taijiquan) dan Ng Say Yoke, Khoo Chee Zhong serta Wong Weng Son (Duilian berpasukan lelaki).

Sementara itu, dua pingat gangsa menjadi milik Khoo Chee Zhong (Nanquan) serta Chai Fong Wei dan Diana Bong (Duilian berpasukan wanita) di gelanggang wusyu yang menutup tirai pertandingan, semalam.

- UTUSAN